

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH** : **2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan atau mewujudkan rang undang-undang khusus bagi membolehkan suatu pilihan raya ditangguhkan dalam tempoh pandemik COVID-19 bagi mengelakkan berlakunya peningkatan kes bagi menjamin kepentingan umum.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pewujudan suatu Rang Undang-Undang (RUU) untuk menangguhkan suatu pilihan raya dalam tempoh pandemik covid-19 ini adalah tidak bersesuaian dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan manakala untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, sokongan 2/3 Ahli Parlimen diperlukan.
2. Pihak Kerajaan boleh mencadangkan penangguhan suatu pilihan raya sekiranya pandemik ini difikirkan boleh diisytiharkan darurat seperti yang diperuntukkan dibawah Perkara 150 (1) Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.